

**PM rasmi laluan pejalan kaki
Utusan Online
Januari 29, 2012**

KUALA LUMPUR 28 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan laluan pejalan kaki yang menghubungkan dua kawasan tumpuan pelancong di ibu kota iaitu Bukit Bintang dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Laluan pejalan kaki tersebut adalah sejauh 562 meter merentasi Jalan Pinang, Jalan Perak serta Jalan Chulan selain turut dilengkapi kemudahan hawa dingin dan tangga bergerak.

Objektif pembinaannya adalah untuk memberi kemudahan kepada pengunjung terutama kepada pelancong berulang alik antara Bukit Bintang dan KLCC tanpa perlu menaiki kenderaan.

Dengan pelbagai kemudahan lain yang disediakan, para pengguna boleh menggunakan laluan tersebut bermula di pusat membeli belah Pavilion, Bukit Bintang hingga ke Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan selesa.

Terdahulu, kedatangan Perdana Menteri di Bukit Bintang bagi menyempurnakan majlis itu disambut Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail dan Naib Presiden Eksekutif Petronas (Perniagaan Gas dan Tenaga), Datuk Anuar Ahmad.

Najib kemudian dibawa melawat laluan tersebut dan sejurus selesai majlis perasmian itu, Perdana Menteri serta para kenamaan lain menggunakan laluan berkenaan sehingga ke KLCC.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0129&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm